

06/01/2000

Calon MT Umno wajar ikut nasihat Presiden

Mutazar Abd Ghani

KEPUTUSAN mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno kelmarin yang menetapkan perhimpunan agung parti itu pada 11 hingga 13 Mei depan, menjawab segala teka-teki ahli berhubung tarikh berkenaan.

Ahli yang sebelum ini tertanya-tanya tarikh perhimpunan agung selepas ia ditangguhkan tahun lalu bagi membolehkan parti menumpukan pilihan raya umum, November lalu, kini tidak perlu lagi bersusah payah membuat pelbagai congakan mengenai perkara itu.

Justeru, tumpuan ahli Umno kini khususnya di peringkat pemimpin ialah untuk membulatkan tekad mengenai jawatan yang akan mereka tandangi serta membuat persiapan untuk menghadapi pemilihan nanti.

Dengan dua jawatan tertinggi diputuskan sebulat suara oleh mesyuarat MT agar tidak dipertandingkan, maka jawatan yang bakal menjadi rebutan pada pemilihan nanti pastinya naib presiden, ahli MT, ketua pemuda dan ketua wanita.

Kini, tanda-tanda kemungkinan menyaksikan persaingan sengit untuk beberapa jawatan tertinggi itu, terutama naib presiden dan ketua wanita, semakin ketara apabila seorang demi seorang pemimpin tampil menyatakan pendirian masing-masing.

Bagi jawatan naib presiden, antara tokoh sudah menyatakan hasrat mereka termasuk Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak yang akan mempertahankan jawatan itu; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Bagi jawatan Ketua Wanita, dua tokoh sudah menyatakan pendirian setakat ini ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang mengesahkan akan mempertahankan jawatan dan Naib Ketua Wanita, Datuk Napsiah Omar, yang sedia bertanding jawatan itu.

Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Hishamuddin Hussein, pula setakat ini adalah satu-satunya tokoh yang mengesahkan untuk bertanding jawatan ketua pemuda.

Dengan ketokohan serta jawatan yang mereka sandang sekarang sama ada di dalam atau luar kerajaan, mereka pastinya mempunyai pengikut dan penyokong setia tersendiri, hingga ke peringkat akar umbi.

Selaras dengan amalan demokrasi, dalam setiap pertandingan sudah tentu ada kempen. Justeru, tidak dapat tidak, setiap calon yang bakal bertanding pasti merangka strategi kempen masing-masing bagi meraih sokongan.

Cuma diharapkan mereka yang bertanding akan mengambil berat nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Naib Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, supaya tidak terlalu ghairah berkempen sehingga boleh membawa perpecahan dalam parti.

Pada masa yang sama mereka juga dinasihatkan tidak menggunakan wang bagi menagih sokongan dalam kempen yang diadakan menjelang pemilihan nanti. Sebaliknya, mereka perlu menjalankan kempen secara tertib dan sopan, seperti tidak membuat serangan berbentuk peribadi terhadap calon yang bertanding.

"Saya meminta supaya kempen, jika diadakan, dilakukan dengan tertib, bersopan, tidak menggunakan wang dan sebagainya.

"Janganlah kerana terlalu ghairah untuk memastikan calon mendapat jawatan, mereka sanggup melihat parti berpecah. Janganlah kerana jawatan hingga berpecah parti, disebabkan kesetiaan kepada calon masing-masing,"

kata Dr Mahathir.

Menurut Perdana Menteri, nasihat itu, yang ditujukan kepada ahli parti yang berkempen untuk calon-calon mereka, disampaikan kepada ahli MT pada mesyuaratnya, kelmarin.

Kebimbangan kemungkinan perpaduan parti terjejas jika kempen yang dijalankan secara keterluan dan tidak mengikut batasan yang ditetapkan parti, turut dikongsi oleh Abdullah, yang kini menjalankan tugas timbalan presiden.

Selain mengelak perpecahan dalam parti, saranan supaya mereka yang bertanding tidak terlalu ghairah berkempen bertujuan memastikan Umno tidak lagi dibebankan dengan tekanan berkaitan kempen dalaman parti.

Sebelum ini, Umno menghadapi pelbagai masalah berikutan penamaan calon dalam pilihan raya dan kini ada pula saingan serta pertandingan dalam Perhimpunan Agung.

"Jika tidak dikawal, akan ada kelompok (ahli Umno) yang menyokong orang tertentu dan keadaan ini akan menjurus kepada timbulnya perasaan jauh hati dan tidak puas hati.

"Bila jadi begini, kerja yang seharusnya dilaksanakan akan tertangguh," kata Abdullah sambil menambah Umno masih belum mencapai tahap permuafakatan sepenuhnya ketika ini.

Kita juga bimbang dengan tindakan terlalu ghairah berkempen menjelang pilihan nanti akan menyebabkan rakyat beranggapan Umno sebagai sebuah parti yang tidak pernah bebas daripada menghadapi masalah.

Berikutan perpecahan yang dikatakan berlaku di kalangan orang Melayu amanya dan Umno khasnya, Umno yang menjadi tunjang kepada Barisan Nasional (BN) kalah beberapa kerusi. Pas misalnya, bukan saja menembusi beberapa kubu kuat Umno, tetapi dikatakan meraih lebih banyak undi daripada Umno di kawasan Melayu.

Umno juga kini menghadapi saingan dan menghadapi tekanan berikutan harapan rakyat yang tinggi terhadapnya dan BN untuk melaksanakan apa yang dijanjikan dalam kempen pilihan raya lalu.

Justeru, pimpinan Umno terutama wakil rakyat perlu terlebih dahulu berusaha menunaikan janji pilihan raya kepada rakyat dan tidak terlalu mengutamakan kempen pemilihan jawatan dalam parti.

Selepas berjaya menangkis satu tentangan sengit pada pilihan raya umum lalu dengan BN mengekalkan majoriti dua pertiga, Umno kini perlu merapatkan semula barisan bagi memantapkan kedudukannya untuk kekal sebagai parti dominan di negara ini.

Agenda utama dan terkini Umno sesungguhnya ialah mendapat semula kepercayaan orang Melayu. Justeru, sebarang tumpuan keterlaluhan terhadap pemilihan, Mei nanti, sehingga memecahkan perpaduan parti, pasti menjejaskan matlamat agenda berkenaan.

(END)